



22 JUN, 2026

Malaysia kian kukuh hab pendidikan global

Sinar Harian, Malaysia



Malaysia kian kukuh hab pendidikan global



ZAMBRY

KUALA LUMPUR-Kejayaan universiti tempatan meraih penarafan antarabangsa membuktikan keupayaan Malaysia untuk menjadi hab kecemerlangan ilmu, penyelidikan serta inovasi dihormati di rantau ini dan peringkat global.

Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir berkata, meskipun penarafan bukan matlamat akhir sesebuah universiti, ia antara petunjuk penting terhadap kualiti, reputasi dan daya saing institusi pengajian tinggi di peringkat antarabangsa.

Jelasnya, pencapaian itu usaha berterusan pensyarah, penyelidik, mahasiswa, alumni, petugas serta rakan industri yang sentiasa berusaha mengangkat martabat pendidikan negara.

"Semoga momentum kecemerlangan ini terus dipertingkatkan demi melahirkan bakat terbaik negara serta mengangkat kedudukan Malaysia sebagai destinasi pilihan pendidikan tinggi. Tahniah dan syabas kepada seluruh warga pendidikan tinggi Malaysia," katanya menerusi hantaran di Facebook pada Ahad.

Zambry turut mengucapkan tahniah kepada Universiti

Teknologi Petronas (UTP) atas pencapaian membanggakan apabila menjadi universiti Malaysia pertama yang berjaya menempatkan diri dalam kelompok 40 universiti terbaik dalam Times Higher Education (THE) Asia University Rankings 2026.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada Universiti Malaya (UM), Sunway University, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Universiti Sains Malaysia (USM), Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM).

Ucapan itu turut diberikan kepada Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), **Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)** serta institusi pengajian tinggi awam dan swasta negara yang terus berusaha memperkukuh prestasi memberangsangkan dalam penarafan terkini.

Terdahulu, media melaporkan UTP berada pada kedudukan ke-35 dalam Times Higher Education Asia University Rankings 2026, meningkat daripada kedudukan ke-43 tahun lalu. - *Bernama*